



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.49 (3)  
Tarikh : 13 Februari 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **YB PUAN HAJAH ZURaida KAMARUDDIN, MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TERIMA LAPORAN SIASATAN JAWATANKUASA INSIDEN KEMATIAN ENAM (6) ORANG ANGGOTA BOMBA DI LOMBONG TAMAN PUTRA PERDANA PUCHONG**

Putrajaya, 13 Februari 2019 - Sesi Pembentangan dan Penyerahan Laporan Siasatan Jawatankuasa kepada YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamarudin, Menteri KPKT berhubung insiden berkenaan juga telah diadakan pada petang semalam (12 Februari 2019) di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Laporan Siasatan Jawatankuasa Insiden ini dijangka akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019. Hasil laporan siasatan dan tindakan penambahbaikan akan diumumkan setelah Jawatankuasa Siasatan ini melaporkan hasil laporan siasatan secara rasmi kepada Menteri-Menteri di kabinet nanti.

Sesi Gerak Kerja Jawatankuasa Siasatan Kematian Enam Orang Anggota Bomba di Lombong Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor pada 3 Oktober 2018 telah dilaksanakan selama 21 hari sepanjang tempoh 26 November 2018 - 14 Januari 2019 bagi menyiapkan laporan Insiden ini.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 November 2018 telah bersetuju supaya sebuah Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan bagi mengkaji dan mengenal pasti punca sebenar kejadian dan seterusnya mencadangkan langkah penambahbaikan agar insiden sebegini tidak berulang lagi di masa hadapan.

Kematian enam (6) orang anggota Pasukan Penyelamat di Air (PPDA) pada 3 Oktober 2018 yang lalu adalah insiden pertama dalam sejarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sepanjang 135 tahun penubuhannya.

## **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Putrajaya**

**13 Februari 2019**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*